

27 APR 1996

DR MAHATHIR ADAKAN RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILADHA

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidiladha di Dewan Jitra, Jitra, esok.

Mereka akan menerima kunjungan tetamu dari pukul 10 pagi hingga 3 petang, kata Saad Hashim, wakil peribadi Dr Mahathir di Alor Setar.

Menurutnya, Dr Mahathir akan mengadakan korban empat ekor lembu tahun ini. Tiga ekor diserahkan di Masjid Tanjung Pauh, Tunjang dan di kediamannya Titi Gajah petang ini manakala lembu keempat diserahkan di Masjid Kubur Panjang, Pendang esok.

Perdana Menteri akan menunaikan solat sunat Aidiladha bersama umat Islam di Masjid Zahir, Alor Setar.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi pula akan mengadakan rumah terbuka di rumahnya di Kepala Batas, Pulau Pinang mulai pukul 11 pagi hingga 5 petang esok.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad turut mengadakan rumah terbuka di rumahnya di Kampung Baru SiRusa, Port Dickson mulai jam 10 pagi hingga 1 petang esok. -- Bernama.

MT AHH